

Dzulkifli dilantik Kursi Kepimpinan Islam

SEREMBAN 7 Ogos - Tokoh akademik pengajian tinggi tersohor negara, Profesor Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak dipilih sebagai penyandang kursi akademik Kepimpinan Islam Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berkuatkuasa Isnin lalu.

Kursi yang ditubuhkan dengan kerjasama Yayasan Nurul Yaqeen yang membiayai dana kursi tersebut sebanyak RM500,000 dinamakan sebagai Kursi Tuan Haji Mohd. Yassin Muhammad iaitu ayahanda kepada Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin merangkap Pengerusi Yayasan Nurul Yaqeen.

Timbalan Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) USIM, Profesor Madya Dr. Yahya Mohamed Ariffin berkata, Dzulkifli yang dilantik berkuat kuasa Isnin lalu telah pun menjalankan tugas rasmi sebagai pemegang kursi akademik ini di FKP USIM.

“Kursi ini dinamakan atas nama Tuan Haji Mohd. Yassin sebagai menghargai ketokohan Allahyarham semasa hayatnya yang progresif, proaktif serta memiliki jati diri dalam memperjuangkan kepentingan agenda Melayu dan pembangunan Islam di negara ini khususnya menerusi bidang pendidikan dan pentadbiran,” katanya di sini hari ini.